



فجابت فغارہ تانہ دان کالین

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
BANGUNAN SRI PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Ruj. Tuan: Bil(23)dlm. PTG.PK.
900-11 Jld 14 (J)
Ruj. Kami: 03 Muharram 1444H
Tarikh: 01 Ogos 2022

YBrs. Tetuan-Tetuan,
Jawatankuasa Peguam Perak,
41, Jalan Dato Maharajalela,
30000 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.



YBrs. Tetuan-Tetuan,

PENYENARAIAH HITAM FIRMA GUAMAN YANG MEMPUNYAI REKOD CEK TIDAK LAKU TAHUN SEMASA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, pentadbiran ini telah kerap menerima cek tidak laku daripada firma guaman yang berurusan di kaunter bagi urusan-urusan tanah.
3. Sehubungan itu, pentadbiran ini akan **menyenarai hitamkan** firma guaman yang mempunyai rekod cek tidak laku sebanyak dua kali berturut-turut dalam tempoh tahun semasa. Pelaksanaan ini adalah berkuatkuasa serta merta.
4. Oleh yang demikian, firma guaman tersebut tidak boleh membuat sebarang bayaran menggunakan cek syarikat di dalam apa jua urusan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan semua Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Perak bagi tahun tersebut. Walau bagaimanapun, firma guaman tersebut masih boleh membuat pembayaran melalui cara bayaran yang lain iaitu **tunai, bank deraf, kad kredit atau kad debit**.
5. Sekatan ini adalah untuk memastikan bahawa pemilik cek bertanggungjawab atas pengeluaran cek tersebut di samping memastikan akruan akaun Kerajaan Negeri sentiasa diselenggara dalam keadaan baik dan teratur. Firma guaman yang telah disenarai hitamkan hanya dibenarkan untuk menggunakan cek pada tahun berikutnya.

..2/-

Telefon: Pejabat Am - 05-209 5000

Faks:

TPTG (Pengurusan) - 05-255 7102
KPPTG (Pembangunan) - 05-241 3615
PPTG (Penguatkuasaan) - 05-254 6520

website : <http://ptg.perak.gov.my>

TPTG (Pendaftaran) - 05-255 5442
KPPTG (Hakmilik) - 05-253 4615



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 6045

6. Perhatian YBrs. Tetuan-Tetuan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANIP, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P.)

Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Perak Darul Ridzuan.

'PERAK MAKMUR RAKYAT SEJAHTERA'